

0619

U 8987 AAB
MAHATHIR - UMNO 9 9 9

KUALA LUMPUR, 28 OKT (BERNAMA) -- UMNO MUJUD BUKAN KERANA HENDAK BERPOLITIK SEMATA-MATA TETAPI PENUBUHANNYA IALAH UNTUK MEMPERTAHAKAN HAK DAN MEMPERBAIKI NASIB ORANG MELAYU, AGAM ISLAM DAN NEGARA, KATA PRESIDENNYA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

+UMNO DAN PERJUANGAN POLITIKNYA ADALAH SEBAGAI INSTRUMEN DAN JENTERA UNTUK MENCAPAI MATLAMAT YANG TELAH KITA RANCANGKAN ITU,+ KATA PERDAMA MENTERI DALAM AMATNYA KETIKA MERASHIKAN PERHIMPUNAN AGUNG UMNO DI PUSAT DASANGAN DUNIA PUTRA (PNTP) DI SINI.

DENGAN MENGGUNAKAN TEMA +UMNO TETAP UMNO+ BELIAU BERKATA UMNO YANG BERSIANG HARI INI, PADA SEGI SEMANGAT, PERJUANGAN DAN PERLEMBAGAAN DAN KEANGSOTAANNYA SESEBENARNYA ADALAH UMNO YANG DITUBUHKAN PADA 11 MEI 1946 DI ISTANA BESAR, JOHOR BAHRU.

UCAPANYA ITU DISAMBUT DENGAN TEPUKAN GEMURUH OLEH LEBIH 5,000 ORANG YANG PADAT MEMENUHI DENAH MERDEKA TERMASUK 1,345 PERAKILAN, 2,262 PEMERHATI RASMI DAN TETAPU UNDANGAN TERMASUK KETUA-KETUA PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL DAN KETUA-KETUA PERAKILAN ASING DI ISU NEGARA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA) +UMNO INI ADALAH UMNO, PARTI YANG MENAKILI ORANG MELAYU SEMENJAK TAHUN 1946,+ IAITU PARTI YANG BERJUANG MELANAN MALAYAN UNION, MENCAPAI DAN MENGISI KEMERDEKAAN DAN HAK SATU BANGSA YANG MERDEKA, SERTA BERJUANG UNTUK MELETAKKAN ORANG MELAYU KHUSUSNYA SEBAGAI BUMIPUTERA YANG MEMPUYAI TEMPAT TERTENTU DALAM NEGARA. -- LAGI.

1043MST 28 10 88

0629

U 8992 AAB
MAHATHIR - UMNO 2 KUALA LUMPUR 9 9 9

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, HUKUMAN (MAHKAMAH) BAHANA UMNO -- YANG MENJADI TULANG BELAKANG PERIKATAN DAN KEMUDIANNYA BARISAN NASIONAL -- TIDAK SAH, ADALAH PERKARA TEKNIKAL.

PENBATALAN PENDAFTARAN UMNO DAN PENTADAFTARAN SEMULANYA JUGA MERUPAKAN PERKARA TEKNIKAL JUGA.

+UMNO SEBAGAI INSTRUMEN PERJUANGAN ORANG-ORANG MELAYU TIDAK PERMAH TIDAK MUJUD,+ TEGASNYA.

UMNO SEBAGAI SEBUAH BADAN YANG HIDUP TELAH MELALUI EVOLUSI MENGIKUT PERKEMBANGAN DALAM NEGARA DAN PEREDARAN ZAMAN, KATANYA.

PADA PERINGKAT AWAL PENUBUHANNYA PERHATIAN DITUMPUKAN KEPADA KEGIATAN MEMPUK PERPADUAN ORANG MELAYU UNTUK MENENTANS MALAYAN UNION.

SAGAIMANAPUN KETIKA PEMIMPIN UMNO KETIKA ITU ALLAHYARHAM DATO ONN JAAFAR CUBA MENJADIKAN UMNO PARTI SEMUA KAUM -- CADANGAN YANG DIANGSAP MENYIMPANG DARIPADA ASAS DAN SEMANGAT UMNO DAN BERCANGSAH DENGAN SELERA POLITIK ORANG MELAYU -- UMNO TELAH HENDAK KEMPIMPINANNYA.

TUNKU ABDUL RAHMAN YANG MENSAMBIL ALIH PUCUK PIMPINAN PARTI BUKAN SAHAJA TELAH BERJAYA MENINGKATKAN PERJUANGAN UMNO KEPADA PENCAPAIAN KEMERDEKAAN TETAPI PERLEMBAGAAN UMNO JUGA DIPINDA SUPAYA KUASA PRESIDEN DIPERKUKUH UNTUK MENJAYAKAN PERJUANGAN PARTI. -- LAGI.

1103MST 28 10 88

0633

U 8993 AAB
MAHATHIR - UMNO 3 KUALA LUMPUR R R R

PINDAAN PERTAMA DIBUAT UNTUK MEMBERI KUASA KEPADA PRESIDEN MELANTIK SETIUASHA, BENDAHARI DAN LIMA ANGGOTA MAJLIS KERJA TERTINGGI (SEKARANG MAJLIS TERTINGGI) UNTUK MEMENTUKAN PENTADBIRAN UMNO PUSAT DIKUASAI OLEH PRESIDEN DENGAN BOKONGAN MAJORITI MT, KATANYA.

PERLEMBAGAAN KEMUDIAN DIPINDA LAGI UNTUK MEMSHAPUSKAN UMNO NEGARI SUPAYA BAHAGIAN-BAHAGIAN BERHUBUNG TERUS DAN DIKUASAI OLEH UMNO PUSAT SEMENTARA BADAN PERHUBUNGAN NEGERI, SEBAGAI BADAN TANPA SEBARANG KUASA EKSEKUTIF HANYA MENYELARAS KESIATAN BAHAGIAN-BAHAGIAN SAHAJA.

MESKIPUN PINDAAN TERHADAP PERLEMBAGAAN UMNO TELAH BERKALI-KALI DIBUAT SEJAK IA DI BAWAH PIMPINAN ALLAHYARHAM DATO OMN, IA TIDAK MENGUBAH ASAS, SEMANGAT DAN CITA-CITA DAN PERJUANGAN UMNO, KATA BELIAU.

DEMIKIAN JUSA PENINGGALAN DATO OMN DAN PENYOKONG-PENYOKONGNYA DAN PENYINSKIRAN BEBERAPA TOKOH UMNO OLEH PRESIDEN PARTI TIDAK MENJEJASKAN UMNO, TAMBAHNYA.

ANTARA TOKOH UMNO YANG TELAH DIPEGAT (SEMASA TUNKU MENGETUAI UMNO) IALAH ENCIK AZIZ ISHAK, SEORANG MENTERI KABINET KETIKA ITU DAN ALLAHYARHAMAH KHATIJAH SIDEK, KETUA KAUM IBU KETIKA ITU.

+SAYA SENDIRI DIPEGAT DARIPADA AHLI MT DAN UMNO BUKAN KERANA TIDAK MENYOKONG UMNO TETAPI KERANA MENSKRITIK KEPIMPINAN KERAJAAN SEMASA ITU,+ TAMBAH BELIAU. -- LAGI.

1115HST 28 10 88

0647

U 8002 AAB
MAHATHIR - UMNO 4 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BAHAWA TIADA SIAPA PUN YANG BERKATA UMNO TIDAK MENJADI UMNO LAGI SETELAH PINDAANN PERLEMBAGAAN DAN PEHECATAN ANGGOTA.

+AHLI-AHLI UMNO, ORANG-ORANG MELAYU, PARTI-PARTI KANAN DAN LAWAN DAN RAKYAT KESELURUHANYA TELAH MENGAKUI DAN MENERIMA UMNO, SEBELUM DAN SELEPAS APA-APA PERUBAHAN ATAU TIDAKAN YANG DIAMBIL OLEH UMNO SENDIRI,+ KATANYA.

PRESIDEN UMNO SELANJUTNYA MENYATAKAN PERBUATAN MENGHERET UMNO KE MAHKAMAH SEHINGGA IA DIISYTIHARKAN TIDAK SAH DAN MENCEMARKAN PARTI ADALAH SATU PERKARA YANG DAHULUNYA TIDAK PERNAH TERLINTAS DI HATI SANUBARI ANGGOTA PARTI.

+UMNO SEMEMANGNYA MEMPUNYAI CANANGAN-CANANGAN YANG TIDAK SAH DARIPADA BESI UNDANG-UNDANG SEMENJAK UMNO DITUBUHKAN PADA TAHUN 1946,+ KATANYA.

TETAPI IA TIDAK MENIMBULKAN MASALAH KERANA ANGGOTA PARTI SETIA KEPADA PARTI DAN PERJUANGANNYA DAN MENYESAIKAN MASALAH PENCABULAN PERLEMBAGAAN PARTI MELALUI JENTERA PARTI KHUSUMNYA BIRD DISIPLIN DAN MT, KATA BELIAU.

PERBUATAN MENGHERET UMNO KE MAHKAMAH HANYA BERLAKU APABILA PARTI DISELUDUPI OLEH ORANG-ORANG YANG BERKEPENTINGAN DIRI YANG TIDAK SETIA KEPADA PARTI DAN YANG TIDAK MEMPUNYAI SEMANGAT MELAYU, TEGASNYA. -- LAGI.

1153HST 28 10 88

0654

U 8009 AAB
MAHATHIR - UMNO 5 KUALA LUMPUR 9 9 9

USAHA MT UNTUK MENYELESAIKAN PERSOALAN KEANGGOTAAN UMNO SECARA RUNDINGAN DAN DI LUAR MAHKAMAH TELAH TIDAK BERJAYA.

MEREKA TIDAK MENGHIRAUKAN AMARAN BAHANA TINDAKAN MEREKA ITU AKAN MENYEBABKAN UMNO DIHARAMKAN. YANG PENTING BAGI MEREKA IALAH MEMAKSA PEMILIHAN MT SEKALI LAGI, KATA BELIAU.

PEMILIHAN PADA 24 APRIL 1987 TELAH PUN MENJEJASKAN PERPADUAN DALAM UMNO DAN PEMILIHAN SEKALI LAGI HANYA AKAN MENYEBABKAN PERTANDINGAN LEBIH SENSIT DAN AKAN MEMBURUKKAN LAGI PERPADUAN DALAM UMNO, KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KERANA TIDAK SABAR UNTUK MEREbut KEPIMPINAN UMNO DAN TIDAK SANGGUP MEMUNGSI DUA TAHUN LAGI UNTUK PEMILIHAN BERIKUTNYA, KUMPULAN ITU MEMERUSKAN KES MEREKA UNTUK DIPUTUSKAN OLEH MAHKAMAH.

SETELAH MAHKAMAH MENGHUKUMKAN UMNO TIDAK SAH, KUMPULAN ITU DENGAN PANTAS CUBA MEMBUHUKAN +UMNO MALAYSIA+ UNTUK MENGGANTIKAN UMNO YANG DIHARAMKAN TANPA BERUSAHA UNTUK MEMBUAT RAYUAN KE MAHKAMAH AGUNG, KATANYA DAN MEMAMBAL +PADA KETIKA ITU TIDAK ADA BELUM SEBUTAN 'SEHANSAT 46.'+.

MALANGNYA BAGI MEREKA, +UMNO MALAYSIA+ YANG MEREKA ANJURKAN ITU TIDAK DAPAT DIDAFTARKAN KERANA PENDAFTAR PERTUBUHAN BELUM MEMBATALKAN NAMA UMNO ASAL, KATANYA. DEMIKIAN JUSA NASIB +UMNO 88+ TAJAAN MT. -- LAGI.

1208MST 28 10 88

0661

U 8008 AAB
MAHATHIR - UMNO 6 KUALA LUMPUR 9 9 9

DATUK SERI DR MAHATHIR SELANJUTNYA BERKATA TAMBAHAN PERKARA +BARU+ KEPADA NAMA PARTI SEKARANG TIDAK MENJEJASKAN KESINAMBUNGAN UMNO DAN PERJUANGANNYA.

KERAJAAN YANG DIDOKONG OLEH UMNO TIDAK PUN TERJEJAS DAN ANGGOTA DENAN-DENAN PERUNDANGAN TERUS MENJADI ANGGOTA UMNO DAN ANGGOTA ANGGOTA BARISAN NASIONAL, KATANYA.

+PENTING DIINGATKAN PEMBATALAN UMNO BUKANLAH KERANA MUJUDNYA CAWANGAN TIDAK BERDAFTAR TETAPI KERANA IA DIBAWA KE MAHKAMAH,+ KATANYA.

KEMURUT BELIAU IBU PEJABAT UMNO TELAH MENYEMAK FAIL DALAM TAHUN 1984 DAN MENDAPATI SEBANYAK 3,000 CAWANGAN TIDAK BERDAFTAR SEJAK 1966 TETAPI UMNO TIDAK MENJADI TIDAK SAH KERANA TIADA ANGGOTA YANG MENGHERETNYA KE MAHKAMAH.

DENGAN TERDAFTARNYA SEMULA UMNO, MAKA SEGALA HALANGAN UNDANG-UNDANG TELAH DIATASI DAN UMNO TERUS BERGERAK SEPERTI SEDIAKALA.

PERDANA MENTERI SELANJUTNYA MEMBIDAS GOLONGAN YANG MENEMTANG UMNO SEKARANG KERANA TIDAK SEGAM-SEGAM LAGI BERPALING TADAH MENJADI PEMBANGKANG KERAJAAN BN SETELAH GAGAL MEYAKINKAN MAJORITI ANGGOTA UMNO.

TINDAKAN MEREKA MEMBERI HARAPAN BAIK KEPADA PEMBANGKANG DAP DAN PAS, KATANYA. -- LAGI.

1227MST 28 10 88

0673

U 8012 AAB
MAHATHIR - UMNO 7 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA BAHAWA DAP TIDAK PERNAH BERSIMPATI DENGAN IMBANGAN KAUM DAN DASAR BARU EKONOMI BERTA MERUPAKAN MUSUH KETAT KEPIMPINAN MELAYU DAN UMNO.

DAP MENGAMBIL KESEMPATAN PERPECAHAN ORANG MELAYU UNTUK MENCAPAI +DOMINENCE+ DAN GIAT BEKERJASAMA DAN MENYOKONG KUMPULAN SERPIHAN UMNO UNTUK MELEMAHKAN UMNO, KERAJAAN BN DAN KEDUDUKAN ORANG MELAYU TAMBAHNYA.

JIKA KUMPULAN SERPIHAN UMNO INI PERCAYA PADA DEMOKRASI MEREKA SEPATUTNYA PATUH KEPADA KEPUTUSAN MAJORITI DAN ADALAH TIDAK DEMOKRATIK DAN GANJIL BAGI KUMPULAN MINORITI CUBA MEMAKSA KUMPULAN MAJORITI MENERIMA KEPIMPINAN MEREKA.

KETIKA MENGULAS DAKWAAN KUMPULAN ITU BAHAWA MEREKA DISUGURKAN DARIPADA KABINET KERANA TIDAK MENYOKONG KEPIMPINAN UMNO SEKARANG, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PERKARA ITU TIDAK GANJIL.

KATANYA, ALLAHYARHAM DATO OMN, DATO FANLINA BUKIT SANTANG, DATO ZAINAL ABIDIN, TAN SRI MIK AHMAD KAMIL DAN BEBERAPA PEMIMPIN PENGASAS UMNO TIDAK DITERIMA SEBAGAI ANGGOTA KABINET APABILA MALAYA MERDEKA KERANA DITOLAK OLEH MAJORITI UMNO.

APABILA ALLAHYARHAM TAN SRI MIK KAMIL DAN TAN SRI C.M YUSOF MERUJUK BALIK KEPADA UMNO, MEREKA HANYA DILANTIK MENJADI YANG DIPERTUA DENAN RAKYAT.

KATANYA BEKAS PERDANA MENTERI TUN HUSSEIN OMN HANYA MENYERTAI KABINET SETELAH ALLAHYARHAM TUN ABDUL RAZAK MENJADI PERDANA MENTERI. ALLAHYARHAM JUGA MENGGUSURKAN DARIPADA KABINET BEBERAPA TOKOH YANG TIDAK SECOCOK DENGANNYA.

SEMASA TUN HUSSEIN MENJADI PERDANA MENTERI, DATUK HARUN IDRIS HILANG JAMATANNYA SEBAGAI MENTERI BESAR SELANGOR, KATANYA. -- LAGI.
1252MST 28 10 88

0688

U 8018 OEB
MAHATHIR - UMNO 8 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KEPIMPINAN UMNO SEKARANG TIDAK MAHU PERPECAHAN BERTERUSAN DAN BERSEDIA BERUNDING DENGAN SESIAPA SAHAJA BAGI MENYATUPADUKAN ORANG-ORANG MELAYU.

UMNO, KATANYA, TIDAK MAHU ORANG MELAYU MENJADI LEMAH DAN DIPERALATKAN UNTUK MENGGAGALKAN MEREKA SENDIRI.

+KITA PERCAYA, BAHKAN KITA YAKIN, PERPADUAN DAN KEKUATAN POLITIK ORANG-ORANG MELAYU ADALAH PENTING UNTUK MENSTABILKAN NEGARA DAN MENJAYAKANNYA,+ KATA BELIAU.

SAMBIL MENEGASKAN UMNO MAHU ORANG-ORANG MELAYU BERSATU, BELIAU BERKATA SEGALA USAHA HESTILAH DIBUAT UNTUK MENGUKUHKAN LAGI KUASA POLITIK ORANG-ORANG MELAYU.

UMNO, MENURUT BELIAU, SEDIA MENERIMA ANGGOTA-ANGGOTA PSRM, PAS, DAP DAN SESIAPA SAHAJA JUGA YANG TERDIRI DARIPADA ORANG-ORANG MELAYU SEKIRANYA MEREKA MEMOHON DAN BERSEDIA MENGHAYATI DASAR DAN PERJUANGAN UMNO. -- LAGI

1327MST 28 10 88

0689

U 8019 DEB
MAHATHIR - UMNO 7 KUALA LUMPUR

SEMUA YANG MENYERTAI UMNO MEMPUYAI HAK YANG SAMA MENGIKUT
PERLEMBAGAAN PARTI TETAPI HAK ITU HENDAKLAH DIGUNAKAN DENGAN
PERASAAN PENUH BERTANGGUNGJAWAB.

ORANG MELAYU, KATA PERDANA MENTERI, BELUM LAGI TERSELAMAT
DARIPADA BAHAYA DAN KEMAJUAN MEREKA BELUM MECAPAI TAHAP YANG
MEMUASKAN.

+KITA MASIH MEMSHADAPI PERJUANGAN YANG BESAR UNTUK MENJADIKAN *
ORANG-ORANG MELAYU SATU BANGSA YANG TERHORMAT DAN DIHORMATI DI DUNIA
YANG PENUH PANCAROBIA INI,+ TESAS BELIAU. -- BERNAMA
1329MST 28 10 88